

# → WANITA

[FOTO NURSYAHIRAH MARZUKI/BH]



Sebahagian peserta pada Program Travelog Ilmu Siri 4/2017 'Risiko Ketagih Skrin' anjuran IYRES di Putrajaya, semalam.



Penggunaan skrin, termasuk telefon pintar, tablet atau televisyen yang berlebihan atau berterusan boleh mengakibatkan gejala hampir sama seperti dialami individu ketagih dadah”

**Hanina Halimatusaadiah Hamsan,**  
Pensyarah Kanan Fakulti  
Ekologi Manusia UPM

## Gajet cetus ketagih umpama dadah

→ Penggunaan skrin melampau punca kerosakan otak kanak-kanak di bawah usia lima tahun

Oleh Nursyahirah Marzuki  
bhnews@bh.com.my

► Putrajaya

**M**emberi anak gajet sehingga mereka ketagih, tidak ubah seperti memberi mereka dadah.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Hanina Halimatusaadiah Hamsan, berkata penggunaan skrin, termasuk telefon pintar, tablet atau televisyen yang berlebihan atau berterusan boleh mengakibatkan gejala hampir sama seperti dialami individu

ketagih dadah.

“Terlalu obses atau ketagih skrin ini sama seperti ketagih dadah kerana terlalu bergantung kepada perkara itu dan ia seperti rasa gian jika berhenti menggunakan gajet.

### Kelakuan anak agresif

“Sebagai contoh, anak kita yang bermain ‘game’, kelakuan mereka akan lebih agresif, pernafasan laju, kelenjar adrenalin dan dopamine meningkat, kesannya sama seperti ketagih kokain,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media pada Program Travelog Ilmu Siri 4/2017 ‘Risiko

Ketagih Skrin’ anjuran Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif IYRES, Dr Zainah Shariff serta Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Media dan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohd Azul Mohamad Salleh.

Hanina Halimatusaadiah berkata, ketagih skrin boleh menyebabkan kerosakan otak terutama pada kanak-kanak di bawah usia lima tahun kerana mereka tidak memiliki keseimbangan yang sihat antara masa bermain telefon dan

masa melakukan pelbagai kegiatan lain.

“Usia dua tahun hingga lima tahun adalah masa untuk pertumbuhan kanak-kanak, termasuk perkembangan psikososial.

### Tekanan psikologi

“Dalam lingkungan umur ini, kanak-kanak perlu bersosial dan bukan melatih otak mereka dengan ‘game’ yang akan memberi tekanan kepada psikologi,” katanya.

Sementara itu, Mohd Azul berkata, ibu bapa perlu mengawal kekerapan anak mereka menggunakan skrin gajet untuk menge-